




MULA

START



2.5 lp/mm







IMAGE EVALUATION TEST TARGET (MT-11)



PHOTOGRAPHIC SCIENCES CORPORATION
779 BASKET ROAD
P. O. BOX 338
WEBSTER, NEW YORK 14580



Bengkel Teater
(4-7 November 1990: Kuala Lumpur)

Penganjur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Malaysia, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur

- 1) Pembangunan dan perkembangan teater: masalah dan projek (dalam kontek Singapura), oleh Djamil Tukimin.
- 2) Pembangunan dan perkembangan teater: masalah dan prospek (dalam konteks Malaysia), oleh Krishen Jit.
- 3) Tinjauan kehidupan teater di Indonesia; pembinaan, perkembangan dan prospeknya, oleh A. Kasim Achmad.
- 4) Pemilihan skrip dan konsep pengarahan di kalangan pengarah - satu keperluan, oleh A. Samat Salleh.
- 5) Theatre administration and marketing: an Australian experience, by Faridah Merican.
- 6) Pekan Teater 1990: satu penilaian prestasi, oleh Rahmah Hj. Bujang.
- 7) Perkembangan teater di Malaysia 1960-1990, oleh Zaiton Md. Desa.


1103001

Dimikrofiskan pada..... 10.03.1999
No. Mikrofis..... 11030
Jumlah Mikrofis..... 2

HAMSI AH BT. MOHAMAD ZAHARI

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

**BENGGKEL TEATER
SEMPENA**



**Pembangunan dan Perkembangan Teater :
Masalah dan Prospek (dalam Kontek Singapura)**

**Oleh
Djamal Tukimin**

4 - 7 November 1990

**Rumah Universiti,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur**

**Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
Majlis Teater Kebangsaan Malaysia
Dewan Bahasa dan Pustaka**

"PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN TEATER :
MASALAH DAN PROJEK (DALAM KONTEK SINGAPURA)"

OLEH

DJAMAL TUKIMIN (SINGAPURA)

(i)

KETIKA Lut Ali seorang pengarah drama muda berusia 34 tahun pernah memberikan tanggapan atas tanggapan daripada Johan Jaaffar ke atas perkembangan dan kemampuan teater Melayu di Singapura begitu emosional sekali dalam mempertahankan kehidupan dan masa depan teater Melayu. Lut menganggap bahawa dalam arus kemajuan hi-tech yang pernah dicapai oleh Singapura ketika ini, teater sebagai satu saluran ekspresi rasa kesenimanan masih terus diterokai dan diminati ramai. Walaupun Lut tidak menolak tentang 'kemiskinan' teater Melayu Singapura bila dibandingkan dengan teater-teater lain baik dalam mahupun luar negeri, sesungguhnya teater Melayu tidak kalah dari aspek-aspek gagasan, kemampuan artistik, stage-craft atau tren, penampilan pemain yang berbakat dan kebijaksanaan sang sutradara yang pernah kita saksikan di Singapura.

Memang ada emosi yang kental dan ketara pada diri Lut, tetapi itu tidak bermakna boleh terhakisnya fakta-fakta dan kebenaran dari lingkaran besar dan panjang akan kehidupan teater Melayu itu sendiri. Kita dalam keadaan yang mana pun atau berbeza boleh saja minus emosi Lut, tetapi kita tidak boleh secara gegabah menolak kerana ketika Lut menganggapi kenyataan

Johan Jaaffar itu di Singapura berhasil mementaskan teater Melayu (dari Januari hingga Julai 1990) lebih dari sepuluh buah pementasan. Penonton yang datang ke panggung sepanjang tersebut melebihi 80%. (Dan baru-baru ini dalam bulan Oktober 1990 penonton Melayu berpeluang menonton dua drama seminggu. Sebuah drama yang menggunakan bahasa Bawean, Jawa dan Melayu yang buat pertama kalinya dipentaskan di Panggung Kallang yang boleh memuatkan penonton sekitar 1800 orang itu penuh sesak!).

(ii)

Ketika ini teater dalam berbagai-bagai aliran bahasa yang menjadi salurannya secara keseluruhan menjadi lebih aktif dalam hubungan pergerakan kesenian jika dibandingkan dengan bentuk-bentuk kesenian lainnya. Kegiatan teater bukan saja dipentaskan di panggung-panggung yang sudah sedia ada itu, tetapi juga kegiatan berteatr ini dimainkan sewaktu makan tengahari (lunchtime theatres) di kawasan-kawasan penuh sesak dengan pejabat atau di pusat kota. Pementasan-pementasan teater dalam skala yang lebih kecil sering juga dilangsungkan di dewan-dewan perpustakaan dan di balai-balai rakyat.

Dengan muncul kumpulan-kumpulan professional telah banyak merubah keadaan dan perkembangan teater di Singapura, malahan kumpulan-kumpulan yang bukan amatur ini telah menjadikan teater sebagai sebuah industri yang patut diberikan perhatian tentang peranannya bagi mengangkat taraf kesenian sesuai dan sejalan dengan lajunya perkembangan ekonomi Singapura ini.

Dengan adanya dukungan dan sekaligus memberikan nasihat-nasihat pakar dari pemerintah telah menambahkan lagi pertumbuhan kumpulan-kumpulan teater bagi cendawan di musim hujan terutama yang

menempel di balai-balai rakyat. Kementerian Pembangunan Masyarakat (dulunya Kementerian Kebudayaan) pernah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Festival Drama (Drama Festival) pada tahun 1978 lalu telah menolong perkembangan teater lebih pesat lagi. Pada tahun 1988 sahaja 27% daripada semua persembahan kebudayaan dan kesenian terdiri dari persembahan teater. Tidak seperti tarian, kebanyakan pementasan teater telah diproduksi sendiri oleh penggerak-penggerak teater tempatan dari berbagai aliran bahasa.

Pada akhir tahun 1988 sahaja terdapat 49 kumpulan teater rasmi berdaftar dan syarikat teater dalam berbagai bahasa sebagaimana Rajah I di bawah ini :-

Rajah I

Kumpulan Teater Berdaftar dan Syarikat pada akhir 1988.

Aliran Bahasa	Kumpulan/Persatuan	Syarikat
Inggeris	8	4
China	22	1
Melayu	7	-
Tamil	7	-
Jumlah	44	5

Sumber : Kementerian Pembangunan Masyarakat (MCD)



Walaupun teater bukan kegiatan pokok bagi satu-satu persatuan kebudayaan/kesenian (misalnya Persatuan Kemuning Singapura (PKS) yang menjadikan salah satu kegiatannya adalah teater di samping kegiatan-kegiatan lainnya seperti tarian, muzik, silat, gasing dan lain-lain), tetapi biasanya kegiatan teater ini terasa selalu menonjol dan dianggap begitu penting sekali. Kelihatan kegiatan berteater bertambah rancak bila kumpulan-kumpulan atau syarikat-syarikat professional mulai muncul dan memperlihatkan kemampuan mereka seperti Act 3, Theatreworks dan Practice Performing Arts Theatre Ensemble yang dipelopori oleh kumpulan-kumpulan bukan Melayu. Sementara itu seorang seniman muda Melayu yang berbakat besar dalam bidang teater ini iaitu Khairul Anwar Salleh turut menubuhkan New Age Players & Company yang nampaknya menjurus-pementasan ke arah professionalisma ini.

Kumpulan-kumpulan professional ini telah banyak memberikan sumbangan yang besar terhadap pengisian perkembangan teater dan memberikan semacam kesedaran yang amat besar terutama dari segi bentuk, inovasi dan pengalaman-pengalaman teaterikal baru, serta kepada peranan yang dapat dimainkan oleh pementasan-pementasan teater bagi penonton-penonton Singapura.

Dengan menggunakan kemudahan pemerintah yang disediakan dalam Theatre Residence Scheme (TRC) ini kumpulan-kumpulan professional ini telah mementaskan lebih 100 buah teater sepanjang tahun 1988.

Masih juga sempat dicatatkan di sini, pementasan-pementasan yang pernah dilakukan oleh kumpulan-kumpulan amatur/persatuan berdasarkan kepada aliran-aliran bahasa yang mana ini telah mendorong dan mendokong memperkayakan perkembangan teater-teater itu sendiri walaupun penontonnya agak terbilah-bilah dari berbagai-bagai kaum itu sendiri.

(iii)

Penonton teater di Singapura dewasa ini kelihatan semakin bertambah, kerana isu-isu yang ditimbulkan dalam pementasan-pementasan mudah diresapi dan dihayati, dan dalam masa tontonan itu seseorang penonton cuma harus memiliki pengetahuan sedikit mengenai teater. Walaupun terdapat juga teater-teater yang tidak begitu komunikatif sifatnya, para penonton masih senang untuk menontonnya. (Misalnya teater-teater monolog seperti "The Coffin Is Too Big For The Hole", "Day I Met The Prince" karya Kuo Pau Kun atau mungkin sahaja "Ke Garisan, Sedia, Mula...", "Forest For Rest" karya Khairul Anwar Salleh yang kelihatan agak surrealis atau mengocakkan emosi penonton itu masih disenangi lagi. Pernah dalam satu kesempatan saya menyitirkan bahawa perkembangan-perkembangan teater di Singapura menuju kepada era tidak bercerita lagi.

Penonton-penonton Kota Singa ini sedar bukan mudah untuk menghayati karya-karya Pau Kun atau Khairul, tetapi teater-teater ini mampu menimbulkan kesan-kesan artistik yang indah yang penonton boleh berfikir di sebalik alam realiti ini yang serba bosan, serba sibuk atau serba palsu ini masih terdapat sungai-sungai ilusi, menempelkan mimpi-mimpi yang menyeronokkan dan luahan metafor yang kelihatan amat menyenangkan sekali. Sesuatu yang bertolak belakang dari sikap rasional yang selama ini ditekankan dalam kehidupan manusia kota kosmopolitan seperti Singapura ini.

Sebagaimana catatan yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Masyarakat Singapura (Kementerian ini mengataskan kebudayaan sebagai tugas dan fungsi terasnya) pementasan yang dilakukan sepanjang tahun 1986 - 1988 menggambarkan reaksi dan sambutan penonton yang begitu antusias terhadap perkembangan teater dan para aktivis teater pula begitu menerimanya sambutan ini dengan spontan.